

# Lavestar atasi UMSKAL 3-1

UG 11.4.2013 A14

**LABUAN** : Pasukan Lavestar Veteran Star @ Lavestar mengatasi Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) pada perlawanan bola sepak persahabatan di Padang Dataran Labuan, malam kelmarin.

Gol-gol pasukan Lavestar dijanginkan Roy Ismail, Majin Basayu dan Ismail Din manakala pensyarah SPKAL, Sudin Lada menjanginkan gol tunggal UMSKAL.

Turut membarisi pasukan Lavestar ialah bekas pemain lincah negara, Hassan Sani, bekas pemain Sabah, Junaidi Tuah dan Dul Alias.

Sementara itu, Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Ismail Ali yang mengetuai

pasukan UMSKAL berbangga dapat beraksi dengan legenda bola sepak negara, Hassan Sani yang menjadi ikon bola sepak tanah air.

Katanya, peluang beraksi dengan pemain lincah negara itu yang pernah membawa Malaysia melayakkan diri ke Sukan Olimpik Moscow 1980 merupakan satu penghargaan buat pemain UMSKAL.

Beliau yang mewakili Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata perlawanan itu diadakan untuk mengeratkan lagi hubungan baik yang sedia terjalin antara UMSKAL dengan pasukan tempatan di Wilayah Persekutuan Labuan termasuk bekas pemain yang pernah



**ISMAIL (kanan) menyampaikan cenderamata kepada Hassan Sani diperhatikan pemain Lavestar dan UMSKAL.**

mengarumkan nama Labuan, Sabah dan negara.

“UMSKAL mengalu-alukan pasukan jabatan dan agensi

kerajaan, swasta dan NGO untuk mengadakan perlawanan persahabatan bagimemantapkan lagi pasukan kami,” katanya.



**PASUKAN Lavestar (baju gelap) dan UMSKAL (biru) bergambar kenangan sebelum perlawanan persahabatan di Dataran Labuan.**